

02 Okt 2024

Kepada Badan Atau Orang Perseorangan Yang Berkepentingan.

**Jemputan Untuk Membuat Ulasan Berkenaan Dengan Penilaian MSPO Bagi FGV
LANCANG KEMUDI**

FGV LANCANG KEMUDI telah melantik Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. (TRANS) untuk melaksanakan penilaian utama pensijilan Malaysian Sustainable Palm Oil untuk Rancangan **FGV LANCANG KEMUDI**. Penilaian akan dilaksanakan ke atas 6 estet dan sebuah kilang yang diuruskan oleh **FGV LANCANG KEMUDI**.

Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. merancang untuk melakukan penilaian persijilan bagi **FGV LANCANG KEMUDI** untuk ladang pada 7-8/11/2024 dan kilang pada 18/11/2024. Penilaian utama akan diadakan menurut Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) MS 2530-3:2013 'General Principles for Oil Palm Plantation and Organized Smallholder dan MS 2530-4:2013 'General Principle for Palm Oil Mill'. Salinan Standard MSPO 2530-3-2013 dan MS 2530-4:2013 boleh didapati daripada Jabatan Standard Malaysia melalui emel: central@jsm.gov.my. Penilaian akan merangkumi isu-isu undang-undang, alam sekitar, ekonomi, keselamatan dan kesihatan pekerja dan isu-isu sosial sepertimana yang diperlukan oleh penilaian MSPO.

Berikut adalah keterangan dan butiran unit persijilan:

Rancangan	Alamat	Jumlah Kawasan Keseluruhan (Ha)	Rujukan GPS
Ladang Sahabat 10	Peti Surat No. 10, Pos Cenderawasih, 91150 Lahad Datu Sabah	2176.55	N 5° 9' 6" E 119° 0' 14"
Ladang Sahabat 36	Peti Surat No. 36, 91150, Cenderawasih Lahad Datu, Sabah	3493.95	N 5° 17' 58.92" E 119° 7' 41.56"
Ladang Sahabat 38	Peti Surat No. 38, 91150, Cenderawasih Lahad Datu, Sabah	2622.28	N 5° 16' 8.6592" E 119° 8' 4.7076"
Ladang Sahabat 39	Peti Surat No. 39, 91150, Cenderawasih Lahad Datu, Sabah	2284.67	N 5° 15' 41" E 119° 08' 24"
Ladang Sahabat 44	Peti Surat No. 44, 91150, Cenderawasih Lahad Datu, Sabah	1501.90	N 5° 16' 08" E 119° 8' 06"
Ladang Sahabat 45	Peti Surat No. 45, 91150, Cenderawasih Lahad Datu, Sabah	2086.96	N 5° 16' 07" E 119° 08' 06"

Kilang	Alamat	Jumlah Kawasan Keseluruhan (Ha)	Rujukan GPS
Kilang Sawit Lancang Kemudi	Peti Surat 30, 91150 Pos Cenderawasih, Sabah	60	5° 13' 46"N 119° 3' 25"E

Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. adalah 100% Syarikat Bumiputra yang telah ditubuhkan pada tahun 2017. TRANS adalah pembekal pensijilan, kualiti pengurusan dan pensijilan produktiviti semenjak tahun 2015, TRANS telah bergiat aktif dalam bidang pengauditan dan bekerjasama dengan beberapa Badan Pensijilan lain. TRANS telah mewujudkan satu prosedur khusus bagi rungutan dan aduan, yang boleh di dapati di laman web:<https://transcert.com.my/complaint-procedure/>. Pasukan audit dari Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. yang akan melaksanakan audit penilaian di **FGV LANCANG KEMUDI** terdiri daripada:

- i) En. Azmi bin Adnan sebagai Ketua Juruaudit (Aspek Undang-Undang, Sosial dan Temuduga Stakeholder dalaman dan luaran)
- ii) En. Mohamad Irwan bin Senin sebagai Juruaudit (Aspek Persekitaran dan HCV)
- iii) En. Hj. Esnan bin Abd Ghani sebagai Juruaudit (Aspek Persekitaran dan HCV)
- iv) En. Hendricks Richard sebagai Juruaudit (Aspek Persekitaran dan HCV)

Sebagai persediaan untuk proses penilaian ini, mana-mana badan atau perseorangan yang berkepentingan adalah dijemput untuk memberikan sebarang ulasan/komen secara bertulis mengenai penilaian berkaitan dengan aspek alam sekitar atau sosial yang difikirkan berkaitan.

Tarikh dan masa bagi perundingan pihak berkepentingan adalah seperti berikut:

Tarikh : 07.11.2024
Masa : 10.00 pagi – 12.00 tengahari
Lokasi : Stesen Penyelidikan 36, Peti Surat No. 36, 91150, Cenderawasih Lahad
Datu, Sabah

Sekiranya pihak Tuan atau Puan tidak berkesempatan untuk menghadiri mesyuarat penilaian ini. Tuan dan Puan dijemput untuk mengirimkan email berkaitan isu yang ingin dibangkit kepada Juruaudit semasa / selepas Penilaian Malaysian Sustainable Palm Oil dijalankan.

Topik-topik yang mungkin hendak dibincangkan adalah seperti berikut:

- Perlindungan alamsekitar
- Penjagaan 'Biodiversity'
- Peluang-peluang pekerjaan
- Pendekatan pihak syarikat dalam kemajuan komuniti
- Perhubungan anda dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam proses membuat keputusan
- 'Free, prior and informed consent' (FPIC)
- Cadangan-cadangan penambahbaikan

Pihak tuan-puan boleh mengemukakan aduan atau komen bertulis kepada pihak kami. Aduan atau komen yang akan dipertimbangkan di dalam pengauditan hendaklah diterima dalam masa 30 hari daripada tarikh surat ini.

Sila lengkapkan butiran seperti berikut supaya anda dapat dihubungi apabila terdapat sebarang kekeliruan pada isu-isu yang dibangkitkan.

Nama:	
Alamat:	
E-mail:	
Nombor Telefon:	
Nombor Fax:	

Jika aduan atau komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

Pegawai Pengesahan (Certifier)

Atika Binti Bakar
Trans Certification & Inspection Sdn.
Bhd.
No. B30, Tingkat 1,
Jalan IM2/5, Bandar Indera Mahkota,
25200 Kuantan Pahang
Tel: +609-5751333.
Email: info@transcert.com.my

Terima kasih di atas maklumbalas yang diberikan.

Yang Benar,



Atika Binti Bakar

Pegawai Pengesahan (Certifier)

Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd.